

SKEMA JAWAPAN PENDIDIKAN MORAL TING 5 PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2022 SMJK SEG HWA

Bahagian A [50 markah] Jawab semua soalan dalam bahagian ini

U1 T5 / U1 T4

1. Gambar di bawah menunjukkan dompet digital yang digunakan oleh pengguna semasa membuat pembelian tanpa tunai.



- (a) Selain pembelian tanpa tunai, nyatakan **dua** bentuk norma masyarakat global lain yang terdapat dalam bidang ekonomi. [2m]

F1	penerimaan mata wang yang standard
F2	transaksi dalam talian
Terima 2 fakta = 2m	

- (b) Jelaskan manfaat yang diperolehi oleh pembeli melalui pembelian tanpa tunai. [4m]

F1	lebih pantas
H1	dapat menjimatkan masa
H2	tidak perlu mengeluarkan duit dari bank / tidak perlu kira wang semasa hendak membuat bayaran
F2	dapat membuat pembelian dalam talian dengan selamat
H3	transaksi melalui FPX lebih selamat kerana ia menggunakan rangkaian bank dan transaksi adalah secara real-time / pengesahan diperlukan sebelum pembayaran dibuat
F3	tidak perlu sediakan duit kecil
H4	memudahkan pembayaran dibuat
F4	mudah untuk mengawal bajet bulanan
H5	maklumat pembelian dan harga direkodkan dalam sistem perbankan pembeli / mempunyai rekod transaksi yang boleh dirujuk
F5	kurangkan risiko kehilangan wang
H6	tidak perlu membawa wang yang banyak semasa hendak membuat pembelian
F6	hampir setiap perbelanjaan diberi ganjaran
H7	mendapat pulangan wang
mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 2F + 2H = 4m / 0F + 4H = 2m	

Kemodenan dan arus globalisasi menyebabkan segelintir masyarakat mula mengabaikan norma masyarakat dalam kehidupan harian. Mereka mudah terpengaruh dengan budaya hedonisme yang mementingkan keseronakan atau kesenangan hidup sahaja.

- (c) Bagaimanakah remaja mengelakkan diri daripada dipengaruhi oleh budaya hedonisme. [4m]

F1	berfikir dengan matang tentang keburukan budaya hedonisme
H1	budaya tempatan pupus
H2	terlibat dengan gejala negatif
H3	seperti penagihan dadah
F2	berpegang teguh pada ajaran agama / tidak terikut-ikut dengan budaya hedonisme
H4	elakkan diri daripada perbuatan yang dilarang oleh agama
H5	seperti pergaulan bebas
F3	bersyukur / berbangga dengan budaya tempatan
H6	budaya tempatan mencerminkan identiti kaum
H7	keunikan kaum dapat dikekalkan
mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m / 0F + 4H = 3m	

2. Pernyataan di bawah berkaitan dengan keldai dadah ditahan. **U3 T4**

Keldai Dadah Ditahan

Seorang wanita rakyat Malaysia telah ditahan di lapangan terbang antarabangsa di sebuah negara jiran kerana disyaki menyeludup dadah. Menurut wanita tersebut, dia ke negara itu kerana dijanjikan pekerjaan dengan gaji yang lumayan. Ketika bertolak ke sana, dia diberikan sebuah beg untuk dihantar kepada seorang pekerja di tempat dia akan bekerja.

(a) Pada pendapat anda, bagaimanakah wanita tersebut diadili mengikut prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan.

i Prinsip keadilan. [2m]

F1	Dikenakan hukuman yang berat
H1	Penyeludupan dadah merupakan tindakan yang menyalahi undang-undang
H2	Tidak ada sesiapa yang boleh terlepas daripada tindakan undang-undang
H3	Sesiapa yang menyeludup dadah patut dikenakan dengan hukuman yang sewajarnya.
mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 1F + 1H = 2m / 0F + 2H = 1m	

ii Prinsip keprihatinan. [2m]

F1	meringankan hukuman
F2	patut memahami perasaan wanita itu menjadi mangsa kerana ditipu
H1	sepatutnya prihatin dengan situasi wanita tersebut
H2	memberikan pertimbangan yang sewajarnya kerana wanita itu terdesak
mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 1F + 1H = 2m / 0F + 2H = 1m	

(b) Bagaimanakah **anda** boleh mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan seperti kes ini ? [2m]

H1	Sentiasa berhati-hati apabila berurusan dengan individu yang tidak dikenali
H2	Berbincang dengan anggota keluarga sebelum membuat apa-apa keputusan.
H3	Saya tidak akan mudah mempercayai orang lain.
H4	Sentiasa peka dengan kumpulan yang cuba menipu orang ramai.
H5	Saya mesti berani menolak permintaan / tawaran / ajakan yang mencurigakan
H6	Sentiasa peka / mengambil tahu / membaca berita tentang penipuan
mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 2H = 2m	

(c) Huraikan tindakan **pihak berkuasa** dalam menangani penyeludupan dadah. [3m]

F1	menguatkuasakan undang-undang tentang penyeludupan dadah
H1	menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada mereka yang menyeludup dadah
H2	Hukuman berat akan menakutkan penyeludup supaya tidak melakukan penyeludupan
H3	Memberi pengajaran kepada ahli masyarakat lain
F2	mengetatkan kawalan pintu masuk di sempadan negara
H4	memeriksa semua kemasukan orang dan barangan dengan lebih teliti.
F3	membuat serbuan ke atas lorong tikus / memperbanyakkan rondaan
H5	yang menjadi laluan penyeludupan / kebanyakan penyeludup menggunakan lorong tikus untuk perbuatan menyeludup dadah kerana tidak mudah dikesan
mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 1F + 2H = 3m / 0F + 3H = 2m	

(d) Namakan 1 Akta yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. [1m]

F	Akta Dadah Berbahaya 1952 (Tidak Dinyatakan Tahun Boleh Diterima)
Jawapan mesti tepat seperti skema untuk dapat 1m	

3. Maklumat berikut berkaitan dengan proses pilihan raya di negara kita. **U8 T4**



(a) Nyatakan dua tujuan pilihan raya dilaksanakan di negara kita. [2m]

F1	Mewujudkan sebuah kerajaan demokrasi
F2	memilih calon yang berkelayakan untuk mengisi jawatan tertinggi dalam kerajaan
F3	memilih pemimpin yang berkaliber / berwibawa
F4	menentukan pemindahan kuasa kerajaan tanpa melibatkan pertumpahan darah
mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 2F = 2m	

(b) Huraikan kebaikan amalan demokrasi yang diamalkan di negara kita. [4m]

F1	Rakyat dapat tentukan hala tuju politik negara
H1	rakyat diberi peluang memilih kerajaan
F2	Menjamin kerajaan yang mampu memerintah secara adil
H2	semua masalah dapat diselesaikan melalui rundingan
F3	Rakyat berpeluang menjadi wakil dalam parlimen
H3	Menjaga kepentingan kawasan yang diwakili
F4	Kepentingan / kebajikan rakyat dijaga
H4	Undang-undang / dasar dibina demi kepentingan rakyat
mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m / 0F + 4H = 3m	

(c) Namakan suruhanjaya yang bertanggungjawab dalam mengendalikan urusan pilihan raya di Malaysia. [1m]

F	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)
Jawapan mesti tepat seperti skema untuk dapat 1m	

(d) Selain hak mengundi, apakah tiga hak warganegara yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. [3m]

F1	<u>kebebasan diri</u> [tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang]
F2	<u>keabdian dan kerja paksa dilarang</u> [segala bentuk kerja paksa adalah dilarang tetapi Parlimen melalui undang-undang boleh membuat peruntukan mengenai perkhidmatan wajib bagi maksud negara]
F3	<u>kesamarataan</u> [semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang]
F4	<u>kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan</u>
F5	hak terhadap harta [tiada seseorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang]
F6	<u>kebebasan beragama</u>
F7	<u>hak terhadap Pendidikan</u>
F8	<u>larangan buang negeri dan kebebasan bergerak</u>
F9	<u>perlindungan daripada undang-undang jenayah kuat kuasa ke belakang dan perbicaraan berulang</u>
Jawapan mesti tepat seperti skema untuk dapat markah (perkataan yang berwarna merah)	
Terima mana-mana 3F = 3m	

4. Soalan berkaitan dengan monolog Mei Mei. **U4 T4 / U4 T5**



Oh, ramai yang berkongsi tentang mesej ini ! Lebih baik saya kongsikannya dengan rakan-rakan. Saya berharap menjadi orang pertama berkongsi mesej ini dalam kumpulan media sosial saya

(a) Berdasarkan monolog di atas, wajarkah tindakan Mei Mei ? Justifikasikan jawapan anda. [3m]

F1	Tidak wajar
H1	menentukan kesahihan maklumat yang diterima sebelum berkongsi dengan rakan-rakan
H2	mesti mengamalkan “tidak pasti, jangan kongsi”.
H3	tidak terburu-buru menyebarkan maklumat yang diterima.
H4	mesti semak dulu maklumat itu, kalau maklumat itu sah, baru kongsi.
H5	berfikir kesan buruk jika mengkongsi maklumat palsu
H6	perbuatan tersebut akan menyebabkan masyarakat mendapat maklumat yang tidak tepat / mengelirukan
mana-mana jawapan yang munasabah Terima mana-mana 1F + 2H = 3m / 0F + 3H = 2m Nota : mesti ada keputusan dan huraian, TIADA nyatakan keputusan = 2m	

(b) Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) secara beretika dapat memberikan manfaat kepada semua pihak.

Nyatakan tiga manfaat kepada murid jika menggunakan TMK secara beretika. [3m]

H1	Mudah mencari maklumat
H2	Mencari maklumat cepat
H3	Mencari maklumat yang tepat
H4	Tidak perlu ke perpustakaan / rujuk buku
H5	menyiapkan tugas yang diberi dengan membuat rujukan di laman sesawang
H6	mendapat ilmu dari luar buku
H7	berkomunikasi dengan mudah
H8	Contohnya : panggilan video, telegram, whatsapp
H9	Mengeratkan hubungan dengan ahli keluarga / kawan / rakan
H10	Melayari sesawang untuk membuat permohonan melanjutkan pelajaran
H11	Contoh UPU / Universiti swasta
H12	Mengikuti kelas secara dalam talian
H13	Tidak ketinggalan dalam pelajaran
H14	mengelakkan diri daripada penipuan dalam talian
H15	mengelak diri daripada pemuliharaan / menjadi mangsa buli
H16	mengelakkan penyalahgunaan maklumat
mana-mana jawapan yang munasabah Terima mana-mana 3H = 3m	

(c) Jelaskan rasional pihak kerajaan **bertindak tegas** terhadap penyebar berita palsu. [3m]

F1	Menjaga keselamatan negara
H1	Supaya maklumat sulit tidak bocor
F2	Menjaga kestabilan negara
H2	Supaya keamanan terjamin
F3	Menjaga keharmonian masyarakat
H3	Supaya tidak ada pergaduhan
F4	Menjaga imej negara
H4	Supaya negara luar tidak pandang rendah kepada negara kita
F5	Memberi pengajaran kepada penyebar berita palsu
H5	Bilangan penyebar berita palsu berkurangan / tidak berani buat
F6	Penyebar berita palsu dikenakan tindakan undang-undang
H6	dijatuhkan hukuman / diberikan saman / denda

F7	Memberi kesedaran kepada orang ramai
H7	menimbulkan kesedaran tentang keburukan penyebaran berita palsu
mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 1F + 2H / 2F + 1H = 3m / 0F + 3H = 2m	

(d) Namakan portal rasmi yang membolehkan rakyat Malaysia menyemak kesahihan maklumat dan berita dalam talian ? [1m]

F1	SEBENARNYA.MY
Jawapan mesti tepat seperti skema untuk dapat 1m	

5. Gambar di bawah berkaitan dengan kes buli. **U3 T5**



- 38 kes buli di sekolah dalam tempoh 4 bulan pertama tahun ini bermula Januari 2022
- Sekumpulan pelajar senior yang membuli 3 pelajar tingkatan satu ditahan polis untuk siasatan pada 20 Januari 2020.
- Pelajar lelaki sekolah menengah di Sri Aman, Sarawak ditahan polis kerana meletakkan racun lipas dalam mi goreng sebelum memberi rakan sekelasnya untuk makan pada 20 Julai 2017

Kes buli di sekolah berada pada tahap yang membimbangkan apabila semakin banyak kes buli yang dilaporkan.

(a) Berdasarkan pernyataan yang diberikan, kenal pasti jenis buli.

- i Buli melalui penggunaan teknologi seperti e-mel, mesej segera, laman rangkaian sosial, mesej teks dan telefon bimbit untuk mengganggu, mengugut dan memalukan orang lain. [1m]

F	Buli siber
----------	-------------------

- ii Buli yang dilakukan dengan percakapan seperti mengusik, menghina, menfitnah, mengancam dan mengejek. [1m]

F	Buli Lisan / Buli Pertuturan / Buli Percakapan
----------	-------------------------------------------------------

(b) Jelaskan kesan-kesan buruk yang didatangi oleh gejala buli terhadap mangsa buli. [4m]

F1	merasa tertekan / menghadapi tekanan / trauma
H1	sakit kepala / tiada selera makan / cubaan bunuh diri
F2	takut untuk hadir ke sekolah
H2	prestasi pelajaran terjejas
F3	keselamatan diri terancam
H3	Cedera / lebam
H4	Mati / maut
mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m / 0F + 4H = 3m	

(c) Bagaimana nilai kerohanian dapat mengelakkan remaja daripada terlibat dalam kes buli. [4m]

F1	berpegang teguh pada ajaran agama
H1	tidak melakukan perbuatan yang akan memudaratkan orang lain seperti buli / menjauhi gejala negatif
F2	saling menghormati
H2	menjaga hubungan baik sesama manusia
F3	menjalani kehidupan yang benar dari aspek pemikiran, perasaan dan perlakuan
H3	berfikiran positif / matang
mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m / 0F + 4H = 3m	

Bahagian B [10 markah]

Jawab mana-mana **satu** soalan dalam bahagian ini.

6. Maklumat berikut berkaitan dengan amalan perpaduan dalam masyarakat majmuk.

U9 T4



Amalan perpaduan dalam masyarakat majmuk amat penting bagi mewujudkan sebuah negara yang harmoni.

- a. **Nyatakan amalan perpaduan** dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia [2]

Bil	Fakta
F1	Menghadiri rumah terbuka semasa musim perayaan
F2	Menyokong pasukan negara dalam sukan
F3	Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan
F4	Membuat rondaan di kawasan kediaman
F5	Menerima budaya / adat resam masyarakat Malaysia
F6	Membantu mangsa bencana alam pelbagai kaum
F7	Melakukan khidmat komuniti yang mempunyai pelbagai kaum
F8	Meraikan sambutan kemerdekaan bersama-sama kaum lain
F9	Berkomunikasi dengan kaum lain
Mana-mana jawapan yang munasabah (apa-apa perbuatan yang dibuat yang membawa ke arah perpaduan BOLEH DITERIMA) Terima mana-mana 2F = 2m	

- b. **Huraikan langkah-langkah** dalam memupuk perpaduan. [8m]

Terima watak : kerajaan / rakyat / masyarakat / mana-mana watak yang sesuai

Bil	Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
F	Melalui pendidikan
H	Pergaulan dalam satu kelas antara pelbagai kaum berupaya memupuk perasaan harmoni antara pelajar.
H	Salah satunya adalah melalui aktiviti kokurikulum.
H	Contoh aktiviti RIMUP
F	Aktiviti sukan
H	Melalui aktiviti sukan, masyarakat akan dilatih menghormati / bertolak ansur antara satu sama lain.
H	Akan wujud saling membantu sesama ahli pasukan.
H	Kegiatan sukan berupaya melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan berbudi pekerti
F	Kegiatan persatuan / aktiviti kemasyarakatan
H	Kegiatan rukun tetangga dan unit rondaan malam
H	akan mewujudkan kesatuan dalam kalangan komuniti setempat, terutamanya di kawasan perumahan
H	Program gotong royong membersihkan kawasan perumahan dan kenduri-kendara akan melahirkan semangat saling mengenali sesama jiran / semangat kejiranan
F	Rukun Negara
H	Rukun Negara yang mengandungi lima prinsip merupakan ikrar seluruh rakyat bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan saling bekerjasama.

H	Melalui pengamalan lima prinsip tersebut, rakyat akan lebih berdisiplin, hidup aman dan selamat, bebas bagi seluruh masyarakat yang progresif.
F	Kempen kesedaran tentang kepentingan perpaduan
H	Boleh dilaksanakan melalui media massa.
H	Kempen yang menarik dalam kepelbagaian bahasa akan meluaskan lagi golongan sasaran
F	Dasar kerajaan
H	Semua dasar kerajaan bertujuan memelihara dan memupuk perpaduan.
H	Menjadikan Malaysia membangun dengan makmur dan bersatu padu dalam suasana yang aman dan sejahtera
H	contoh Dasar Ekonomi Baru/ Dasar Pembangunan Nasional/ Dasar Pendidikan Negara
F	Aktiviti kebudayaan
H	Mengadakan rumah terbuka semasa musim perayaan
H	pesta kebudayaan membolehkan masyarakat kenali budaya kaum lain
H	Menganjurkan aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum.
F	Memperkasa penguatkuasaan undang-undang tentang perpaduan
H	Mencegah konflik antara kaum
H	Contoh melarang masyarakat menyentuh isu sensitif
H	Memelihara perpaduan masyarakat
F	Penggunaan bahasa Melayu sebagai alat perpaduan
H	Bahasa kebangsaan digunakan oleh seluruh rakyat Malaysia sebagai bahasa komunikasi
H	mengelak salah faham antara kaum
Mana-mana huraian yang munasabah Menerima sekurang-kurangnya 2 fakta, huraian, huraian lanjut, contoh.	

7. Pernyataan di bawah berkaitan dengan integriti negara. **U6 T5**

RAKYAT INTEGRITI NEGARA DISANJUNGI

a. Definiskan Integriti Individu. [2m]

F1	Sifat jati diri yang merangkumi kejujuran dan keikhlasan
F2	penghayatan dan pegangan teguh terhadap ciri dan nilai positif
F3	ketelusan dan keutuhan dalam setiap perlakuan dan pemikiran
Mana-mana 1F = 2m	
Kerana setiap F di sini mempunyai 2 kata kunci	

b. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas ? Bincangkan. [m]

Kehendak soalan : **calon mesti SETUJU**. Kemudian memberi sebab kenapa calon setuju. Terangkan **bagaimana rakyat bersikap** integriti sehingga **negara kita disanjung** (imej negara meningkat di peringkat antarabangsa) dan **kebaikan / kesan kepada negara apabila negara disanjung**

Terima watak : Rakyat

Bil	Keputusan / Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
F	Setuju
F	Rakyat berintegriti akan membantu dalam menjayakan pembangunan negara.
H	Rakyat akan bertindak menyokong semua kempen / dasar / program yang dianjurkan oleh negara / kerajaan.

F	Rakyat akan menjelaskan / membayar cukai pendapatan kepada negara.
H	Dengan itu, rakyat dapat membantu menjanakan pendapatan negara.
H	Bayaran cukai pendapatan juga dapat membantu kerajaan / negara membangunkan negara Malaysia.
F	Rakyat berintegriti akan melancong dalam negara sendiri / rakyat harus membeli barangan buatan Malaysia / rakyat harus kurangkan membeli barangan import.
H	Dengan ini, wang negara tidak akan mengalir ke luar negara.
F	Rakyat berintegriti tidak terlibat dengan gejala rasuah atau memberi atau menerima rasuah.
H	Hal ini kerana perbuatan rasuah boleh menjejaskan imej negara di peringkat antarabangsa.
F	Rakyat berintegriti akan mematuhi peraturan dan undang-undang negara Malaysia.
H	Dengan itu, negara Malaysia akan sentiasa harmoni dan rakyat dapat hidup sejahtera.
H	Keamanan dan kesejahteraan di negara Malaysia akan menarik pelabur asing untuk melabur di negara kita / Menyakinkan pelabur asing untuk melabur di negara kita
F	meningkatkan imej baik negara
H	boleh menarik minat pelancong untuk melancong ke negara Malaysia
H	menjadi contoh kepada negara lain
F	Dapat berbakti kepada negara
H	Menjalankan tugas berpandukan prinsip moral
H	Mengutamakan kepentingan umum melebihi kepentingan diri
F	Ekonomi meningkat
H	Peluang pekerjaan meningkat
H	Menegakkan keadilan dalam kalangan rakyat / mengelakkan diskriminasi
H	Dapat melahirkan budaya kerja yang efisien
H	meningkatkan produktiviti negara
F	Mewujudkan sistem pentadbiran yang telus
H	Meningkatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap negara
Mana-mana huraian yang munasabah	
Menerima sekurang-kurangnya 2 fakta, huraian, huraian lanjut, contoh.	
Calon mesti SETUJU untuk mendapat markah	

Bahagian C [40 markah]

Jawab semua soalan daripada bahagian ini.

U9 T4 KBAT

8. Maklumat berikut berkaitan dengan Bahasa Melayu yang merupakan subjek wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

- Bahasa Melayu yang juga dikenali sebagai Bahasa Malaysia merupakan salah satu subjek yang wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- Semua calon yang menduduki peperiksaan SPM diwajibkan untuk mengambil subjek Bahasa Melayu bersama-sama dengan subjek teras lain
- Jika seseorang murid Tingkatan 5 tidak lulus dalam subjek Bahasa Melayu, maka dia akan dianggap sebagai gagal peperiksaan SPM.
- Jika calon gagal dalam subjek Bahasa Melayu, maka sijil peperiksaan SPM tidak akan diperoleh kerana dia tidak memenuhi syarat kelulusan yang ditetapkan.

- a. **Setujukah anda** dengan tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai subjek yang wajib lulus dalam peperiksaan SPM ?
Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang telah dipelajari. [8m]

Terima watak : mana-mana watak yang sesuai

Bil	Keputusan / Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
T	Setuju
N	Nilai bertanggungjawab, nilai hormat, nilai kerajinan
F	bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan
H	ia merupakan bahasa rasmi Malaysia
H	memartabatkan pemahaman dan penggunaan Bahasa Melayu
H	memelihara taraf bahasa Melayu yang semakin diabaikan oleh sesetengah murid
F	menyatupadukan rakyat berbilang kaum
H	bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan
H	bahasa komunikasi antara pelbagai kaum
H	Memahami dan mengeratkan hubungan antara kaum
F	bahasa ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah
H	melatih murid supaya dapat menggunakan sistem ejaan dan tatabahasa yang betul
H	Boleh menulis karangan dengan baik
H	Menaikkan nama baik diri
Mana-mana huraian yang munasabah	
Menerima sekurang-kurangnya 2 fakta, 2 nilai, huraian, huraian lanjut, contoh.	

Bahasa kebangsaan 国语

Bahasa ibunda 母语

Bahasa rasmi 官方语言

Bahasa antarabangsa 国际语言/英语

Bahasa elektif 选修语言

b. Jelaskan **kepentingan mempelajari bahasa antarabangsa**. [8m]

Terima watak : mana-mana watak yang sesuai

Bil	Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
F	dapat mempunyai jaringan dan jalinan global yang baik
H	mampu berkomunikasi dengan masyarakat luar negara
H	menjalin hubungan yang baik dengan masyarakat global
F	menambahkan ilmu pengetahuan
H	dapat memahami kandungan bahan bacaan yang ditulis dengan bahasa asing
H	kebanyakan sumber di internet ditulis dalam bahasa asing
H	dapat memberikan idea yang bertaraf global
H	membentuk individu yang kreatif dan inovatif
H	mempunyai sikap dan pemikiran yang berkualiti tinggi
H	mampu menghadapi cabaran global
H	dapat menggunakan ilmu pengetahuan yang diperolehi untuk membantu pembangunan negara
F	dapat memahami budaya asing dengan lebih mendalam
H	sesetengah budaya asing tidak dapat dijelaskan dengan menggunakan bahasa Melayu
F	mampu bersaing pada peringkat global
H	mendapat pekerjaan yang lebih baik
H	lebih banyak peluang pekerjaan dari dalam dan luar negara
H	syarikat perlukan pekerja yang mempunyai kemahiran berbahasa yang baik

F	berpeluang melanjutkan pelajaran ke luar negara
H	meluaskan pandangan
H	berfikiran di luar kotak dari segi ilmu, tindakan, disiplin dan wawasan
Mana-mana huraian yang munasabah	
Menerima sekurang-kurangnya 2 Fakta (FAKTA mesti yang terdapat dalam skema) dan mana-mana huraian	

c. Dalam peperiksaan SPM, terdapat subjek elektif bahasa yang ditawarkan kepada pelajar. Nyatakan subjek elektif bahasa tersebut. [4]

Bil	Fakta	
F1	Bahasa Arab	F7 Bahasa Perancis
F2	Bahasa Cina	F8 Bahasa Jepun
F3	Bahasa Tamil	F9 Bahasa Jerman
F4	Bahasa Iban	F10 Bahasa Korea
F5	Bahasa Kadazandunsun	F11 Bahasa Cina Komunikasi
F6	Bahasa Semai	
Terima mana-mana 4F = 4m		

U6 T4

9 Gambar berikut menunjukkan amalan integriti dalam keluarga.



a Setiap anggota keluarga perlu mempunyai sikap integriti sebagai jati diri demi kebahagiaan keluarga.

Jelaskan **contoh integriti keluarga** yang diamalkan dalam keluarga anda. [8m]

Bil	Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
F	Menjadikan pegangan agama sebagai asas yang kukuh dalam pembinaan keluarga
H	Ajaran agama dipupuk dalam setiap perlakuan
H	Sentiasa jujur terhadap anggota keluarga
F	Menjaga kerahsiaan keluarga
H	Tidak menceritakan masalah yang berlaku dalam keluarga kepada orang luar kecuali kepada pihak tertentu
H	Tidak membuka rahsia 秘密 keluarga kecuali kepada pihak tertentu
F	Melaksanakan tugas sebagai ibu bapa dan anak-anak
H	Ibu bapa memastikan setiap anggota keluarga melaksanakan kewajipan masing-masing
H	Menasihati 劝导 anggota keluarga yang gagal menunaikan kewajipan 没有履行责任
F	Menunjukkan teladan yang baik 好的榜样 kepada anggota keluarga
H	Ibu bapa mengamalkan sikap yang positif 积极 dan proaktif 积极的预先行动
H	Sentiasa berunding 讨论 dalam menyelesaikan masalah
F	Memupuk hubungan baik dalam keluarga

H	Mengambil tahu tentang anggota keluarga yang sakit atau tidak berupaya dari segi fizikal dan emosi 情绪
H	Memaafkan kesilapan yang dilakukan oleh anggota keluarga
F	Mendidik anak-anak untuk menjaga warga tua
H	Menghargai 珍惜 sumbangan 贡献 warga tua kepada keluarga
H	Menjaga kebajikan 福利 dan keperluan 需求 warga tua
F	Menghentikan pertelingkahan 冲突 antara anggota keluarga secara adil
H	Mengambil berat tentang perasaan anggota keluarga dalam setiap tindakan
H	Tidak memalukan anggota keluarga di hadapan orang lain
Mana-mana huraian yang munasabah	
Menerima sekurang-kurangnya 2 Fakta (FAKTA mesti yang terdapat dalam skema) dan mana-mana huraian	

b Ramalkan implikasi sekiranya anggota keluarga tidak mengamalkan integriti tersebut. [4m]

Bil	Fakta / Huraian
F	Kerosakan akhlak ahli keluarga
H	Tidak saling memahami
H	Menjatuhkan imej keluarga
H	Meruntuhkan institusi keluarga
F	Pepecahan dalam keluarga
H	Penceraian / pergaduhan
H	Perselisihan faham
H	Keluarga tidak harmoni
F	Pilih kasih dalam keluarga
H	Terlibat dalam gejala sosial
H	Mencari ketenangan di luar
F	Kejayaan / kebahagiaan keluarga terhalang / terganggu
H	Gangguan kerjaya / pelajaran
H	Bermasalah di tempat kerja
Mana-mana huraian yang munasabah	
Mana-mana 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m	

KBAT

	<p>Kes mendera anak-anak sentiasa berlaku.</p> <p>Menurut laporan akhbar, kes penderaan kanak-kanak telah meningkat sebanyak 20% semasa musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>
-------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

c **Mengapakah gejala tersebut** berlaku dalam sesebuah keluarga ?
Justifikasikan jawapan anda berdasarkan **nilai-nilai universal**. [8m]

Terima watak : ibu bapa / penjaga / pengasuh

Bil	Nilai / Fakta / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
N	Rasional / kasih sayang / hormat / toleransi / bertanggungjawab / kepercayaan kepada Tuhan / kesederhanaan
F	Tekanan hidup / tekanan
H	Masalah dalam keluarga menjadikan kanak-kanak sebagai tempat melepaskan geram
H	Kanak-kanak dirotan, ditumbuk dan dirantai

F	Masalah ekonomi / kewangan / kemiskinan
H	Pendapatan keluarga tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian
H	Keresahan yang dihadapi oleh ibu bapa menyebabkan anak-anak menjadi mangsa
F	Penceraian suami isteri / keruntuhan institusi kekeluargaan
H	Penceraian antara ibu bapa menyebabkan anak-anak dipelihara oleh ibu atau bapa tiri dan saudara-mara
H	Mereka yang menjaga anak-anak itu akan mendera anak-anak itu kerana terpaksa menjaga mereka tanpa sebarang kebaikan
F	Personaliti / sikap kanak-kanak
H	Kanak-kanak yang hiperaktif / nakal / tidak mendengar arahan
F	Personaliti / sikap ibu bpa
H	Seseorang yang tidak suka pada kanak-kanak / pemarah akan mendera kanak-kanak apabila mereka bising untuk meminta sesuatu
F	Penagihan arak dan dadah
H	Ibu bapa yang menagih arak dan dadah akan hilang kewarasan serta pertimbangan dan bertindak ganas terhadap ahli keluarga mereka.
H	Mereka telah lupa akan peranan sebagai ibu bapa yang seharusnya melindungi keluarga.
H	Kajian menunjukkan 82% penagih arak dan dadah telah bersikap agresif dan melakukan penderaan terhadap isteri dan kanak-kanak.
F	Kitaran keganasan (sejarah keganasan semasa kecil)
H	Terdapat pendera yang pernah mengalami kisah silam yang menyedihkan pada zaman kanak-kanaknya.
H	Mereka pernah diasuh secara kasar oleh ahli keluarganya sendiri sehingga meninggalkan kesan ingin membalas dendam terhadap perbuatan yang dilakukan terhadapnya
H	Apabila dewasa nanti, mereka telah menjadikan ahli keluarga mereka yang lemah sebagai mangsa dendam.
F	Kurang penghayatan / didikan agama dan moral
H	kurangnya didikan agama menyebabkan pendera tidak dapat membezakan yang baik dengan buruk
H	Mereka sudah tidak waras untuk berfikir kerana tiada ajaran agama yang menjadi pedomen hidup mereka
H	Oleh itu, mereka beranggapan tindakan mendera bukan satu kesalahan , mereka berasa puas selepas melakukan penderaan
Mana-mana huraian yang munasabah Menerima sekurang-kurangnya 2 fakta, 2 nilai, huraian, huraian lanjut, contoh.	